

27 SEP 2003

LIMA-Maritim

LIMA 2003 SAKSIKAN PENYERTAAN TERBANYAK KAPAL

LANGKAWI, 27 Sept (Bernama) -- Sebanyak 210 syarikat dari 17 negara telah mengesahkan penyertaan dalam segmen maritim pada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 2003) di Awana Porto Malai, di sini, mulai Selasa ini.

Pengarah Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Felix Thai Kong Meng berkata segmen maritim kali ini juga mencatatkan rekod penyertaan terbanyak kapal dan bot, berbanding LIMA yang lepas.

"Segmen maritim kali ini menyaksikan penyertaan terbanyak kapal dan bot iaitu 90 buah berbanding 72 kapal dan bot pada LIMA 2001," katanya di sini hari ini.

Thai berkata 40 kapal perang angkatan tentera laut tempatan dan luar negara serta 50 bot peronda pelbagai agensi dari dalam dan luar negara akan berlabuh di perairan Awana Porto Malai sepanjang pameran berlangsung.

Arab Saudi dan Korea Selatan merupakan dua negara baru yang menghantar kapal bagi menyertai LIMA kali ini selain negara yang tidak pernah ketinggalan penyertaannya seperti Britain, Jerman, Itali, Perancis dan Rusia, katanya.

Beliau berkata kapal dan bot berkenaan akan tiba, masing-masing esok dan lusa.

HW Lima Sdn Bhd adalah penganjur segmen maritim.

Mengenai persiapan, beliau berkata segalanya berjalan mengikut jadual dengan para pekerja sedang melakukan persiapan terakhir bagi memastikan pameran itu berjalan lancar.

"Kita menjangkakan seramai 18,000 pelawat awam dan 12,000 pelawat perdagangan dijangka mengunjungi segmen maritim itu," katanya.

LIMA 2003 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa ini dan empat hari pertama dibuka untuk pelawat perdagangan manakala orang ramai boleh mengunjungi pameran itu pada Sabtu dan Ahad.

-- BERNAMA

MZM ZI LAT